



DARAH NIFAS



PENGERTIAN NIFAS

- Nifas ialah darah yang keluar setelah kosong rahim daripada kandungan walaupun dalam bentuk mudghah (segumpal daging) atau alaqah (segumpal darah) dan ianya berlaku sebelum berlalu tempoh 15 hari (daripada kelahiran).
 - (Tuhfah al-muhtaj)

DALIL NIFAS

Ummu salamah r.Ha berkata :

كَانَتِ النُّفَسَاءُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ، تَقْعُدُ أَرْبَعِينَ يَوْمًا أَرْبَعِينَ لَيْلَةً

”Para wanita yang sedang nifas di zaman Rasulullah saw berdiam (duduk di rumahnya) 40 hari 40 malam”

SYARAT – SYARAT NIFAS

Darah keluar setelah Rahim kosong walaupun darah yang keluar adalah segumpal darah atau daging dan pakar menyatakan bahawa gumpalan darah tersebut adalah awal penciptaan manusia

Darah yang keluar sebelum berlalunya 15 hari sejak melahirkan . Jika telah keluar selepas 15 hari maka dikira haid. Dan hukum menggunakan tempoh haid

Masa suci antara nifas dan haid adalah 15 hari

Darah yang keluar dalam tempoh 60 hari , jika lebih maka diisytiharkan istihadhah

TEMPOH WAKTU

Paling sedikit : satu titik

Minima : 40 hari 40 malam

Maksima : 60 hari 60 malam

CARA KIRAAN NIFAS

- Darah nifas berlaku setelah keluar darah melahirkan anak tetapi 60 hari dikira berdasarkan naqo' yang berlaku.

BILA BERMULA TEMPOH NIFAS

- 60 hari 60 malam dikira saat melahirkan anak dan darah nifas dikira setelah keluar darah.
 - Bilangan bermula hari pertama melahirkan.

CARA KIRAAN NIFAS

TARIKH	KELUAR/TIDAK KELUAR DARAH	HUKUM	MASA
2 Mac	Bersalin	-	-
3 - 8 Mac	Tidak keluar darah	Waktu naqo' dikira sebagai suci dari sudut hukum wajib mandi wiladah, sembahyang	Masa naqo' (3 - 8 Mac) dikira masuk sebagai masa nifas dari sudut bilangan hari ↑ Tempoh masa maksima bagi nifas iaitu 60 hari bermula dari 3 hb. Mac sehingga 1 hb. Mei (peringatan - permulaan 60 hari dikira) ↓
9 Mac	Darah mulai keluar	Nifas	
10 - 14 Mac	Keluar darah (6 hari)	Nifas	
15 Mac	Darah mulai berhenti sebelum 15 hari	Nifas	
16 Mac - 20 Mac	Darah berhenti / masa naqo' (kurang daripada 15 hari)	Nifas (darah berhenti - masih dalam masa 60 hari)	
21 Mac - 4 April	Darah mulai keluar (darah kedua)	Nifas (masih dalam masa 60 hari)	
5 - 25 April	Darah terus keluar (22 hari)	Nifas (masih dalam masa 60 hari)	
26 April - 1 Mei	Darah tidak keluar	Nifas (masih dalam masa 60 hari)	
2 Mei	Darah tidak keluar	Suci	

ISTIHADHAH

- **DARAH PENYAKIT WANITA YANG KELUAR DARIPADA Hujung URAT** yang berada di bawah rahim yang dikenali sebagai (العاذل) selepas tempoh sebanyak-banyak haid atau selepas tempoh sebanyak-banyak nifas atau darah keluar berterusan selepas hari kebiasaan haid.
 - (*AL-WAJIZ FI AL-FIQH AL-ISLAMI*)

DALIL ISTIHADHAH

- Berdasarkan riwayat aisyah r.anha, fatimah binti abu hubaish menemui rasulullah saw kemudian dia bertanya:

- يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي امْرَأَةٌ أُسْتَحَاضُ فَلَا أَطْهَرُ أَفَادَعُ الصَّلَاةَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا إِنَّمَا ذَلِكَ عِرْقٌ وَلَيْسَ بِحَيْضَةٍ فَإِذَا أَقْبَلَتْ حَيْضَةٌ فَاتْرُكِي الصَّلَاةَ فَإِذَا ذَهَبَ قَدْرُهَا فَاغْسِلِي عَنْكَ الدَّمَ وَصَلِّي

- **MAKSUDNYA:** “wahai rasulullah! aku perempuan yang mengalami darah istihadah dan masih belum bersuci, adakah aku perlu meninggalkan solat? jawab baginda saw: **tidak, kerana darah itu daripada urat (darah penyakit) bukannya darah haid**. maka ketika kedatangan haid tinggalkanlah solat dan apabila tempohnya habis haid (kadar adatnya). maka kamu mandilah , dan **dirikanlah solat.**”

- RIWAYAT AL-BUKHARI (306) DAN MUSLIM (333)

PERBEZAAN ISTIHADHOH DAN BAKI MASA SUCI

- Seorang wanita yang mengeluarkan darah dengan tempoh minima haid atau lebih kemudian darah berhenti , dan ia mengeluarkan lagi darah selepas tempoh 15 hari , maka ianya bukan istihadhoh tetapi Wanita tersebut menyempurnakan baki suci.
- CONTOH : Seorang Wanita keluar haid adatnya 5 hari. Kemudian keluar darah hanya 3 hari kemudian berhenti hingga 14 hari. Dan ia Kembali keluar darah selama 4 hari dan berhenti.
- HUKUMNYA : hari 1 hingga 3 (DARAH HAID) ,4-17 (SUCI 14 HARI) ,18-21 (KELUAR DARAH) 18 adalah baki hari suci , 19-21 start haid yang baru.

KATEGORI ISTIHADHAH

